

Kriteria Penilaian Anugerah Pelaksanaan Amalan 5S
Sempena Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM
Tahun 2016

1.0 Objektif

Objektif pertandingan ini adalah untuk :

- 1.1 memberi pengiktirafan kepada PTJ yang mempunyai prestasi yang cemerlang dan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan kualiti pengamalan 5S dan perkhidmatan.
- 1.2 menggalak kerjasama dan membentuk budaya saling membantu secara berterusan dalam kalangan kakitangan bagi mewujudkan dan mengekalkan suasana tempat bertugas yang bermaklumat, bersih, kemas, teratur dan mesra pelanggan.
- 1.3 menggalakkan persaingan sihat di antara PTJ di UPM ke arah penambahbaikan yang berterusan dalam amalan pengurusan kualiti dan urus tadbir 5S yang baik.

2.0 Penyertaan

Penyertaan Pertandingan Anugerah Amalan 5S adalah **diwajibkan** kepada semua PTJ yang tidak pernah mendapat pensijilan Amalan 5S daripada mana-mana badan pensijilan.

3.0 Syarat-Syarat Pertandingan

- 3.1 Setiap PTJ perlu mengisi Borang Pengesahan Penyertaan Anugerah Pelaksanaan Amalan 5S yang disediakan.
- 3.2 Hanya PTJ yang mengesahkan pelaksanaan amalan 5S di PTJ sahaja akan dilawati dan dinilai oleh Panel Penilai yang dilantik. Jika PTJ mengesahkan tidak melaksanakan amalan 5S, PTJ tersebut tidak akan dinilai dan mendapat markah 0%.
- 3.3 Penilaian pertandingan ini memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:-
 - a) Usaha-usaha Ke Arah 5S
 - b) Ruang Tempat Kerja (Pejabat)
 - c) Persekutuan Tempat Kerja

- 3.4 Proses pengauditan berdasarkan sampel lokasi yang dipilih oleh Penilai iaitu:
- a) Satu (1) Ruang pejabat
 - b) Satu (1) Bilik Mesyuarat
 - c) Satu (1) Bilik Latihan/Kuliah
 - d) Satu (1) Kaunter
 - e) Satu (1) Stor
 - f) Satu (1) Pantri
 - g) Satu (1) Surau/Bilik Solat
 - h) Satu (1) Tandas

4.0 Bentuk Pengiktirafan dan Penyampaian Hadiah Pertandingan

- 4.1 Hadiah akan disediakan bagi Johan sebanyak RM 1,500.00, Naib Johan sebanyak RM 1,000.00 dan Tempat Ketiga sebanyak RM 750.00 serta Sijil Penghargaan kepada PTJ berkenaan.
- 4.2 Hadiah untuk pemenang akan disampaikan semasa Majlis Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) yang akan diadakan pada 27 Oktober 2016.

5.0 Keputusan Pertandingan

- 5.1 Pertandingan ini akan dinilai oleh Panel Auditor 5S yang dilantik. Penilaian akan dibuat pada bulan September 2016. Panel Auditor akan mengadakan lawatan ke setiap PTJ pada satu tarikh yang akan diberitahu kelak.
- 5.2 Keputusan pertandingan adalah muktamad dan akan diumumkan semasa Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan pada 27 Oktober 2016.

6.0 Penghantaran Borang Penyertaan

Setiap Borang Pengesahan Penyertaan Anugerah Pelaksanaan Amalan 5S hendaklah dihantar tidak lewat daripada **1 September 2016** kepada urusetia:

Peneraju Anugerah Perlaksanaan Amalan 5S

Sempena Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan 2016

Pusat Jaminan Kualiti (CQA)

Universiti Putra Malaysia

(u.p. : Puan Shamriza Shari)

Tel : 03-89471568

Fax : 03-89472037

Emel: cqa@upm.edu.my